



MAJLIS BANDARAYA IPOH

PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2016

Rujukan : Bil.(27)d/m.MBI.B1/12/2/12

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

28 Oktober 2016

Setiausaha Bandaraya
Pengarah-pengarah Kanan
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan/Puan,

PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2016

Dengan hormatnya saya diarah memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan bahawa semua pembelian untuk tahun 2016 (tahun semasa), hendaklah diselesaikan (pembekalan barang / perkhidmatan) sebelum 30 Disember 2016 (Jumaat). Oleh yang demikian tindakan berikut hendaklah diambil:-

2.1. Jabatan-jabatan/Bahagian-bahagian/Unit-Unit

- 2.1.1 Mengemukakan Permohonan Pembelian (MBI 2/86) kepada Unit Belanja, Jabatan perbendaharaan pada atau sebelum 30 November 2016 (Rabu) kecuali bagi bekalan-bekalan kecemasan (Nota 1). Permohonan Pembelian yang dikemukakan selepas tarikh ini tidak akan diterima.

Nota 1:

Bekalan kecemasan bermaksud bekalan yang diperlukan segera dan tanpanya akan menjejaskan operasi dan perkhidmatan Majlis.

PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2016

PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2016

- 2.1.2 Memastikan barangan yang dipesan dapat dibekalkan **sebelum 30 Disember 2016 (Jumaat)**.
- 2.1.3 Jabatan/Pejabat/Bahagian/Unit perlu memastikan Permohonan Pembelian (*Local Order*) yang lengkap (**Bahagian C ditandatangani**) dikemukakan ke Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan sebelum atau pada **30 Disember 2016 (Jumaat)** untuk penyediaan **Baucer Bayaran**.
- 2.1.4 Memastikan pembelian melalui **Wang Runcit dibuat sehingga 13 Disember 2016 (Selasa)** dan tuntutan **Wang Runcit** bagi tahun 2016 dibuat pada atau sebelum **20 Disember 2016 (Selasa)**.

2.2. Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan

- 2.2.1. Tarikh akhir penyediaan Pesanan Pembelian (MPI 1/86) adalah pada **5 Disember 2016 (Isnin)** dan tiada Pesanan Pembelian akan dikeluarkan selepas tarikh tersebut.
- 2.2.2. Mencatatkan tarikh akhir bekalan MPI 1/86 sebagai **30 Disember 2016 (Jumaat)**.
- 2.2.3 Mengeluarkan Baucer Bayaran bagi Pesanan Pembelian yang telah diterima dan mengembalikannya **sebelum atau pada 3 Januari 2017**.

3. **Semua Jabatan/Pejabat/Bahagian/Unit juga dikehendaki memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:**

Bil	Perkara	Tarikh Akhir (Pada Atau Sebelum)
i.	Baucer-baucer bagi bayaran berikut perlu disediakan dan dikemukakan kepada Jabatan Perbendaharaan (Unit Belanja) untuk tindakan pembayaran : <ul style="list-style-type: none">- Bayaran Balik Hasil- Bayaran melalui Kod Amanah- Pelarasan Pendahuluan Diri	09 Dis 2016 (Jumaat)

PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2016

PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2016

Bil	Perkara	Tarikh Akhir (Pada Atau Sebelum)
ii.	Mengemukakan baucer-baucer bayaran bagi perbelanjaan 2016 yang telah lengkap (Pengesahan Baucer) ke Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan untuk tindakan pembayaran	10 Jan 2017 (Selasa)
iii.	Memastikan baucer kerja kontrak yang telah selesai dilaksanakan pada atau sebelum 30 Disember 2016 (Jumaat) dibayar dengan peruntukan tahun 2016 dan dikemukakan ke Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan.	10 Jan 2017 (Selasa)
iv.	Memastikan Baucer-baucer Pembayaran yang <u>di 'query'</u> dikemukakan semula kepada Unit Belanja, Jabatan Perbendaharaan untuk tindakan pembayaran	20 Jan 2017 (Jumaat)

- Tarikh akhir untuk mengemukakan permohonan Pindah Peruntukan (Virement) ditetapkan pada **15 November 2016 (Selasa)** bagi membolehkan jabatan ini memproses permohonan yang diterima.
- Semua Pesanan Pembelian (MPI 1/86) yang telah dikeluarkan dalam tahun 2016 tetapi masih belum menerima bekalan pada 30 Disember 2016 (Jumaat) akan dibatalkan seriat-merta.

Walau bagaimanapun, jika Ketua-ketua Jabatan/Pejabat/Bahagian/Unit masih memerlukan bekalan tersebut, Pesanan Pembelian yang baru hendaklah dikeluarkan dan dicajkan kepada peruntukan tahun 2017. Untuk makluman, kegagalan bagi mematuhi Pekeliling Kewangan ini akan memberi implikasi kepada peningkatan pembayaran AP58 / AP 59 Majlis di masa akan datang.

(Rujuk Arahan Kewangan Bil 13/2014 bagi Garis Panduan Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58 (a) [AP 58(a)] dan Arahan Perbendaharaan 59 [AP 59] Bagi Majlis Bandaraya Ipoh).

- Tarikh akhir Permohonan Pendahuluan Diri/Pelbagai (Advance) adalah pada **25 November 2016 (Jumaat)** dan perlu diselaraskan sebelum atau pada **27 Disember 2016 (Selasa)**. Namun begitu, sebarang pengecualian kepada perkara ini perlu mendapat kelulusan Pengarah Perbendaharaan Bandaraya.

PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2016

PENUTUPAN AKAUN UNTUK TAHUN 2016

7. Sukacita dapat kiranya pihak tuan/puan memastikan anggota di Jabatan/Pejabat/Bahagian/Unit tuan/puan mengambil perhatian terhadap perkara ini dan mematuhi tarikh-tarikh yang ditetapkan. Sekiranya gagal berbuat demikian, pihak tuan/puan adalah bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang timbul berhubung dengan perkara ini.
8. Adalah diharapkan dengan kerjasama tuan/puan pada perkara di atas dapat memastikan Penutupan Akaun Majlis Bagi Tahun Kewangan 2016 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian dimaklumkan.

"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"

Saya yang menaruh perintah,


(DATO' ZAMRI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh,